



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PENAKSIR TANAH (B.2 EB.3)  
JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PENAKSIR TANAH  
JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Estate Management and Valuation / Land Administration (Estate Management)* atau bidang bersesuaian.  
  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Menjadi ahli kepada salah satu badan professional seperti *The Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS)* yang diiktiraf adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Pesuruhjaya Tanah, Timbalan Pesuruhjaya Tanah dan Penolong Pesuruhjaya Tanah dalam hal-hal pentadbiran dan pengurusan tanah;
2. Bertanggungjawab membuat laporan taksiran bagi taksiran statutori seperti Pengambilan Balik Tanah dan Akta Setem bagi perkiraan Cukai Setem permohonan Pindah Milik Tanah;
3. Bertanggungjawab membuat laporan taksiran bagi taksiran bukan statutori seperti Harga Khas Tanah (premium);
4. Memproses permohonan penyimpanan mengisytiharkan dan pewartaan tanah Kerajaan;
5. Memastikan dasar-dasar penilaian harga tanah dan hartanah terlaksana menurut peraturan yang tersebut di dalam Akta Pengambilan Balik Tanah Penggal 41;
6. Melaksanakan kaji selidik dan membuat analisa mengenai pasaran harta tanah;
7. Menyediakan dan mengemaskini garis panduan menaksir; dan
8. Memberi tunjuk ajar kepada penaksir-penaksir.